



Perjanjian
BANGKOK
1909

Wacana Sejarah dan Persejaraan

Editor
AZMI ARIFIN
FARID MAT ZAIN
Z Aidin MOHD NOOR



Perjanjian
BANGKOK
1909

Wacana Sejarah dan Persejarahan

Editor

Azmi Arifin

Farid Mat Zain

Zaidin Mohd Noor

PENERBIT
USM

PENERBIT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG



1013922

Beli di www.emdash.my

- 🌐 www.penerbit.usm.my
- ✉ penerbit@usm.my
- 📘 PenerbitUSM
- ✖ PenerbitUSM
- 📧 [penerbit_usm](https://www.instagram.com/penerbit_usm)

Penerbitan bersama Penerbit Universiti Sains Malaysia
dan Arkib Negara Malaysia

- © Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2023
Cetakan kedua dengan pembetulan, 2024
Cetakan ketiga, 2025

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perjanjian Bangkok: Wacana Sejarah dan Persejarahahan / Editor: Azmi Arifin,
Farid Mat Zain, Zaidin Mohd Noor

ISBN 978-967-461-730-1
e-ISBN 978-967-461-731-8

1. Malaysia--History.
 2. Malaya--History--19th century.
 3. Government publications--Malaysia.
- I. Azmi Arifin. II. Farid Mat Zain.
III. Zaidin Mohd. Noor.
959.5 DS595.96.T5

Muka taip teks: Source Serif Pro

Editor Naskhah: Che Su Yaakub
Pereka Bentuk Kulit Buku: Ahmad Fitri Ramli
Pembaca Pruf: Wan Mahanum Abdullah
Pengatur Huruf: Sabrina Ahmad

Diterbitkan oleh Penerbit Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang, Malaysia.
Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).

Dicetak oleh Sinaran Bros. Sdn. Bhd., 5-3-18 The Promenade, Persiaran Mahsuri,
11950 Bayan Baru, Pulau Pinang, Malaysia.

959.5

*Didedikasikan buat
Allahyarham Profesor Dato' Dr. Nik Anuar Nik Mahmud,
Allahyarham Profesor Madya Dr. Mohd Isa Othman
dan Allahyarham Dato' Dr. Wan Shamsudin Mohd Yusof
yang telah kembali ke rahmatullah.*

*Semoga jasad dan roh mereka bertiga
dicucuri rahmat dan diberkati-Nya.*





Kandungan

Pengantar	ix
Prakata.....	xi
Singkatan.....	xiii
1 Perjanjian Bangkok 1909 dalam Konteks Sejarah dan Persejarahan	1
Azmi Arifin	
2 Bahan-bahan Perjanjian Bangkok 1909 dalam Simpanan Arkib Negara Malaysia	24
Zaidin Mohd Noor	
3 Manuskrip Melayu: Tumpuan Terhadap Hubungan Negeri-negeri Melayu dan Siam.....	37
Mardiana Nordin	
4 Penjajahan Siam di Kedah dan Penentangan Orang Melayu, 1821-1842	63
Mohd Isa Othman & Azmi Arifin	
5 Bunga Emas dalam Konteks Hubungan Negeri-negeri Melayu dan Siam: Penelitian Berasaskan Manuskrip Melayu	91
Wan Shamsudin Mohd Yusof	

6	Senario Hubungan Negeri-negeri Melayu dan Siam Sebelum Tahun 1909	103
	Abdullah Zakaria Ghazali	
7	Konsep Negeri, Persempadanan dan Isu-isu dalam Hubungan Negeri-negeri Melayu dan Siam Hingga Termeterainya Perjanjian Bangkok 1909	124
	Mior Ahmad Noor Mior Hamzah	
8	Hubungan British, Siam dan Negeri-negeri Melayu Utara Sebelum Perjanjian Bangkok 1909	174
	Ho Hui Ling	
9	British, Siam, Negeri-negeri Melayu dan Perjanjian Bangkok 1909: Beberapa Penjelasan Syarat dan Isi Kandungannya	205
	Mohamad Roslailly Rosdi & Adly Izmal Karim	
10	Kepentingan Perjanjian Anglo-Siam 1909: Analisis dari Perspektif Bangkok	223
	Kobkua Suwananthat-Pian	
11	Kesan Perjanjian Bangkok 1909 Terhadap Negeri-Negeri Melayu Utara	241
	Azmi Arifin & Nik Haslinda Nik Hussain	
12	Perjanjian Bangkok 1909: Isu Ketertinggalan Patani dan Implikasinya	269
	Nik Anuar Nik Mahmud & Farid Mat Zain	
	Penyumbang	281
	Indeks	283

Pengantar

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya buku bertemakan hubungan negeri-negeri Melayu dan Siam sempena meraikan 100 tahun Perjanjian Bangkok 1909 berjaya diterbitkan. Penerbitan buku ini merupakan hasil kerjasama antara Arkib Negara Malaysia (ANM) dengan Dr. Azmi Arifin selaku pensyarah kanan dari Universiti Sains Malaysia. Buku ini merupakan hasil gabungan kertas-kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar 100 Tahun Perjanjian Bangkok 1909 yang telah diadakan di Auditorium Arkib Negara Malaysia pada 11 Jun 2009. Walaupun seminar tersebut telah lama diadakan, namun hanya pada tahun 2020 usaha dibuat untuk merealisasikan penerbitan buku ini melalui kerjasama beberapa ahli sejarah dan pakar berkenaan judul ini.

Sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab menyimpan dan memelihara rekod sejarah negara, ANM sentiasa berusaha menyebarkan luas maklumat yang terdapat di dalam simpanannya melalui pelbagai cara antaranya melalui seminar, pameran dan penerbitan buku. Kaedah ini dapat membantu masyarakat mengenali bahan yang terdapat di ANM sekali gus dapat menggalakkan masyarakat menggunakan bahan arkib sebagai sumber rujukan bagi mendapatkan maklumat berkenaan sejarah negara.

Penulisan yang berasaskan sumber-sumber primer mampu menghasilkan penulisan yang berkualiti dan berwibawa. Dalam konteks ini, buku ini yang merupakan antara penulisan yang dihasilkan oleh ahli sejarah tempatan dengan menggunakan sumber-sumber primer cuba membuka lembaran baharu tafsiran sejarah negara berdasarkan kaca mata tempatan. Perjanjian Bangkok 1909 itu sendiri misalnya telah memberi implikasi yang besar kepada negara terutama berkaitan dengan isu-isu sempadan khususnya persempadanan antarabangsa yang melibatkan sempadan Malaysia-Thailand. Persempadanan yang dibentuk semula berasaskan Perjanjian Bangkok 1909 menjadi asas pengukuran dan penandaan sempadan kedua-dua negara sehingga kini.

Sekali lagi, saya bagi pihak ANM mengucapkan tahniah dan syabas kepada kumpulan kerja editor buku yang diketuai oleh Dr. Azmi Arifin, pembentang-pembentang kertas kerja dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan buku bersempena 100 Tahun Perjanjian Bangkok 1909 ini.

Sekian, wassalam.

Jaafar Sidek Haji Abdul Rahman
Ketua Pengarah
Arkib Negara Malaysia

Prakata

Syukur ke hadrat Ilahi, akhirnya buku sempena mengingati “100 Tahun Perjanjian Bangkok (1909–2009)” ini berjaya diterbitkan setelah melalui satu tempoh penyusunan yang agak sukar disebabkan kekangan yang wujud pada zaman wabak COVID-19 ini. Usaha menyempurnakan sebuah buku yang penting ini tidak akan berjaya tanpa sokongan padu daripada pelbagai pihak, sama ada secara langsung atau tidak. Editor ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan buku ini. Pertama sekali, ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan ditujukan khusus kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang telah bermurah hati menaja penerbitan ini melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2017/SSI06/USM/02/1). Terima kasih juga buat Universiti Sains Malaysia yang menguruskan geran tersebut dengan baik.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia (ANM) yang sudi memberikan keizinan kepada penyunting untuk menyunting dan menghasilkan buku suntingan ini, yang merupakan satu himpunan kertas kerja satu seminar yang dianjurkan oleh ANM pada 12 hingga 13 Mei 2009. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Seminar 100 Tahun Perjanjian Bangkok 1909, para pembentang kertas kerja dan penyumbang bab serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penerbitan buku ini. Ucapan terima

kasih juga wajar diberikan kepada pihak Penerbit Universiti Sains Malaysia yang sudi menerbitkan buku ini. Editor juga ingin merakamkan ucapan takziah dan mendoakan semoga Allah SWT memberikan keampunan dan rahmat-Nya kepada tiga orang ilmunan dan sarjana yang terlibat dalam menyumbang bab dalam buku ini, iaitu Allahyarham Profesor Datuk Dr. Nik Anuar Nik Mahmud, Allahyarham Profesor Madya Dr. Mohd Isa Othman dan Allahyarham Dato' Dr. Wan Shamsuddin Mohd Yusof, yang telah kembali ke rahmatullah sebelum buku ini berjaya diterbitkan. Sesungguhnya mereka merupakan penulis sejarah, ilmunan dan cendekiawan yang banyak menyumbang bakti dan ilmu kepada bidang ini, dunia sejarah, dunia akademik dan negara. Semoga penerbitan buku ini menjadi hadiah yang bermakna kepada mereka bertiga dan seluruh ahli keluarga mereka.

Akhir sekali, diharapkan penerbitan buku ini dapat menyumbang pengetahuan dan kefahaman yang lebih jelas kepada masyarakat dan khalayak pembaca tentang sejarah yang berlaku di negeri-negeri Melayu utara pada kurun ke-19 dan awal kurun ke-20, khususnya yang berkaitan dengan Perjanjian Bangkok 1909.

Ogos 2022

Singkatan

ANM	Arkib Negara Malaysia
CO	Colonial Office
FCNS	Further Correspondence relating to the Affairs of Certain Native States in the Malay Peninsula, in the neighbourhood of the Straits Settlements
FO	Foreign Office
GLTB	Governor's Letters to Bengal
GLTRC	Governor's Letters to Resident Councillors
GMLI	Governor Miscellaneous Letters In
GMLO	Governor Miscellaneous Letters Out
HCFMS	High Commissioner Federated Malay States
HCO	High Commissioner Office
ITBN	Institut Terjemahan Buku Negara
JIA	<i>Journal of the Indian Archipelago</i>
JMBRAS	<i>Journal of the Malayan/Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society</i>
JSBRAS	<i>Journal of Straits Branch of the Royal Asiatic Society</i>
JSEAS	<i>Journal of Southeast Asian Studies</i>
JSEAH	<i>Journal of Southeast Asian History</i>
JSS	<i>Journal of Siam Society</i>
MBOF. Tr.	Menteri Besar Office, Terengganu
MBRAS	Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
MBSKT	Memorandum on British and Siamese Relations in the Unprotected Malay States of Kelantan and Trengganu

MDNW	Malay Documents Relating to Naning War
PLOLS	Introductory Note Penang Letters and Others – In Council Part Straits Settlements Records
Pngr.	penyelenggara
PRMSS	Papers Relating to the Malay States and Straits Settlements, 1857–1866
PSMCK	Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah
PSPN	Pusat Sumber dan Penyelidikan Negara
SSFR	Straits Settlements Factory Records
SSR	Straits Settlements Records
WKTD	War of Kedah and Tunku Din's Proceedings
WMM	An Account of the war between the Malays and Siamese in 1838 commonly called the War of Tunku Mahomad Saad

1

Perjanjian Bangkok 1909 dalam Konteks Sejarah dan Persejarah

Azmi Arifin

Satu aspek penting dalam sejarah yang masih kurang diberi perhatian oleh pengkaji ialah sejarah perjanjian-perjanjian yang dimeterai antara pemerintah, kerajaan dan negeri-negeri Melayu dengan kuasa-kuasa luar, sama ada kuasa tempatan, serantau mahupun penjajah Barat. Dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia, aspek ini amat penting dan menarik kerana terdapat banyak perjanjian awal yang dibuat antara negeri-negeri Melayu khususnya dengan beberapa kuasa asing seperti Belanda, British dan Siam. Walaupun terdapat banyak perjanjian awal telah dimeterai (Maxwell dan Gibson, 1924; Allen, Stockwell dan Wright, 1981), namun agak ketara sekurang-kurangnya sejak awal tahun 1820-an, telah tercapai beberapa perjanjian penting yang mempengaruhi corak dan bentuk persempadanan negeri-negeri Melayu, yang akhirnya turut mencorakkan peta negara Malaysia pada hari ini. Apabila British dan Belanda menandatangani Perjanjian British-Belanda 1824 yang memisahkan pengaruh British di Semenanjung Tanah Melayu dan Belanda di wilayah seberang (Indonesia) khususnya, sejarah menyaksikan perjanjian yang ditandatangani antara dua kuasa penjajah yang berasaskan

kepentingan imperialisme itu telah memisahkan sepenuhnya jalinan persemendaan dan ikatan politik yang wujud di antara kedua-dua wilayah bersaudara itu hingga ke hari ini.

Jika tahun 1824 dikenang sebagai tanggal termeterainya sebuah perjanjian yang telah memisahkan Semenanjung Malaysia dengan Indonesia, tahun 1909 pula menyaksikan terbentuknya satu perjanjian yang melibatkan British-Siam yang memisahkan negeri-negeri Melayu utara dengan wilayah-wilayah Melayu utara lainnya yang dahulunya merupakan negeri-negeri Melayu, tetapi kini lebih dianggap sebagai sebahagian daripada negara Thai. Perjanjian Anglo-Siam atau lebih dikenali sebagai Perjanjian Bangkok 1909 merupakan pelengkap beberapa siri perjanjian yang dibentuk antara British-Siam demi kepentingan imperialisme dan politik yang akhirnya turut memberi kesan besar dalam menentukan kedudukan sempadan Malaysia hingga ke hari ini. Dari satu segi, tahun 1909 merupakan satu titik hitam sejarah yang memisahkan hubungan persaudaraan dan politik yang telah lama terjalin antara negeri-negeri Melayu dengan Patani misalnya (dan beberapa wilayah Melayu lain yang dikuasai Thai), yang mempunyai pengalaman sejarah dan turun naiknya sendiri sebelum dicengkam oleh Siam pada zaman Ayuthia pada kurun ke-19.

Menyedari kepentingan perjanjian tersebut kepada pembentukan sejarah Malaysia pada hari ini, pihak Arkib Negara Malaysia (ANM) telah menganjurkan satu seminar bertajuk “100 Tahun Perjanjian Bangkok (1909–2009)” yang diadakan pada 12 hingga 13 Mei 2009 sempena mengingati sekurum perjanjian tersebut dimeterai. Langkah ANM dalam memperingati sejarah besar itu merupakan satu usaha ulung dan murni kerana selain dapat mengumpulkan pakar-pakar sejarah dan kertas-kertas kerja bermutu tentang perjanjian itu, ia juga dapat memenuhi kelompongan yang masih wujud tentang sejarah hubungan negeri-negeri Melayu-Siam dan Perjanjian Bangkok 1909, yang boleh dikatakan masih kering perbincangan tentangnya dalam penulisan sejarah Malaysia. Kemuncak usaha itu ialah terhasilnya penerbitan buku ini melalui kerjasama erat yang digerakkan antara ANM dan Penerbit Universiti Sains Malaysia dalam memastikan sejarah perjanjian yang penting ini dapat diabadikan dalam bentuk tersurat dan boleh dibaca dengan mudah oleh seluruh khalayak pembaca dan peminat sejarah. Sesungguhnya, usaha ini adalah sesuatu yang amat bermakna dalam memenuhi tuntutan terhadap perlunya sejarah Perjanjian Bangkok 1909 itu diingati sebagai titik penting yang mengubah dan menentukan nasib negara Malaysia pada masa dahulu dan kini.

Dari segi sejarah, Perjanjian Anglo-Siam 1909 atau Perjanjian Bangkok 1909 ditandatangani pada 10 Mac 1909 di Bangkok, Thailand atau lebih dikenali sebagai Siam pada ketika itu. Perjanjian itu, yang telah ditandatangani antara wakil British, Ralph Paget dengan wakil Siam, Putera Devawongse Varoprakar, iaitu Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Siam, dan diratifikasikan di London pada 9 Julai 1909 telah mewujudkan garis sempadan baharu yang mencorakkan sempadan Malaysia-Thailand hingga ke hari ini. Sesungguhnya elemen utama yang diberikan perhatian dalam perjanjian itu, termasuklah melalui buku ini, ialah isu kedaulatan dan persempadanan negeri-negeri Melayu *vis-à-vis* sempadan dan kedaulatan negara Siam atau Thailand. Perjanjian yang ditandatangani pada 10 Mac 1909 ini merupakan satu perjanjian yang agak jelas memfokuskan isu penetapan kedaulatan dan garis sempadan antara wilayah yang diakui, sah atau tidak sah, sebagai terletak di bawah kekuasaan British dan Siam, dengan matlamat sampingan untuk menetapkan pula hak dan kedudukan negeri-negeri dan rakyat Melayu yang tersepit antara dua persaingan imperialisme ekonomi dan politik.

Perjanjian yang dibuat secara rasmi di Bangkok itu, yang dilakukan tanpa maklumat atau disedari oleh pemerintah negeri-negeri Melayu sendiri yang terlibat sebagai subjek di dalam persetujuan itu, telah menghasilkan lapan artikel bersama dua protokol yang menjadi lampiran (*annex*) perjanjian itu. Keputusan perjanjian tersebut mensyaratkan supaya diadakan satu penyelesaian sempadan yang tetap, bertanda dan kekal untuk selama-lamanya bukan untuk kepentingan rakyat tempatan, tetapi untuk kepentingan imperialis. Hal ini bermaksud British dan Siam bersepakat untuk tidak lagi campur tangan dalam hal di luar daripada persempadanan wilayah yang diiktiraf bersama sebagai milikan kuasa penjajah. Artikel 1, iaitu yang paling pokok dalam perjanjian itu jelas menyebut bahawa kerajaan Siam bersetuju untuk menyerahkan hak-hak kedaulatan, naungan, pentadbiran, perundangan dan apa-apa juga kawalan ke atas negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis dan pulau-pulau berdekatan kepada pihak British (CO 273/353, 19 Mei 1909, 25 Mei 1909; Maxwell dan Gibson, 1924, 88). Namun, secara tidak langsung menetapkan bahawa selain negeri yang jelas disebutkan, wilayah Melayu lain seperti Patani, Narathiwat, Setul (Satun), Singgora (Songkhla) dan Yala akan terus kekal diletakkan di bawah kekuasaan Siam.¹ Dengan kesepakatan bersama kuasa-kuasa penjajah itu, maka negeri-negeri Melayu telah ditetapkan nasibnya tanpa hak yang jelas, walaupun menganggap mereka sebagai negeri-negeri yang berdaulat dan tidak dijajah.

Perjanjian Bangkok 1909 yang memisahkan sepenuhnya antara dua wilayah Melayu kepada dua pengaruh penjajahan, iaitu British dan Siam, memecahkan bukan sahaja sempadan politik dan kebangsaan, tetapi juga pemikiran masyarakat terhadap pengalaman sejarah itu sendiri. Perjanjian itu menatijahkan dua perasaan atau dua 'kelukaan' berpanjangan yang boleh dilihat daripada dua perspektif berbeza yang tidak mungkin boleh dijalinkan. Perspektif pertama ialah perspektif yang muncul daripada sifat persejaraan Thai itu sendiri, yang turut dipengaruhi sentimen kebangsaannya. Di Thai pada masa kini, naratif sejarah yang dibina khususnya oleh kelompok ahli sejarah nasionalis menjelaskan kesan-kesan Perjanjian Bangkok 1909 dari perspektif kedaulatan negara Thai yang dicerobohi dan diaibkan. Perspektif tersebut menjelaskan bahawa Siam pada ketika itu telah dibuli oleh British dan kuasa-kuasa imperialis Eropah lain, sehingga memaksanya menandatangani Perjanjian Bangkok 1909 itu. Oleh sebab tiada banyak pilihan, maka Siam terpaksa melepaskan banyak haknya khususnya dari segi wilayah-wilayah yang dianggap hak miliknya yang meliputi sebahagian daripada wilayah utara Semenanjung Malaysia pada hari ini, sekurang-kurangnya dari garisan Pulau Pinang hingga ke Terengganu (Rajah 1.1). Dalam pemikiran Siam, kedudukan negeri-negeri Melayu utara diperlihatkan sebagai sebahagian daripada sejarah Thai dan tafsiran sejarah ini terus dipegang oleh sebahagian masyarakat Thai pada hari ini. Namun, tafsiran itu sendiri digugat oleh keadaan sebaliknya yang menyaksikan berlakunya penentangan atau kebangkitan serta tuntutan pemisahan di wilayah 'selatan Thai' hingga ke hari ini. Cabaran terhadap penguasaan Thai terhadap wilayah-wilayah yang dahulunya dianggap sebagai sebahagian daripada Siam, menjadi isu atau sanggahan yang melemahkan tanggapan tentang wujudnya 'kehilangan wilayah' kerana jelas terdapat suatu penolakan berasaskan sejarah dan kebangsaan yang berbeza di sebalik proses asimilasi keras yang diperkenalkan.

Sebenarnya dari perspektif kedua, iaitu pemerintah dan negeri Melayu utara, Perjanjian Bangkok 1909 dianggap sebagai perjanjian yang tidak sah kerana selain tidak diasaskan oleh keputusan kerajaan-kerajaan negeri Melayu sendiri yang berdaulat, ia juga tidak mengambil kira perjanjian-perjanjian rasmi yang telah dimeterai sebelumnya yang masih lagi mengikat tanggungjawab antara mereka. Malah bagi pemerintah peribumi, penentuan sempadan politik yang ditetapkan British-Siam pada tahun 1909 hanya saling menguntungkan Siam dan Britain sebagai kuasa imperialis, dengan wilayah-wilayah Tanah Melayu hanya menjadi

potongan kek atau mangsa ratahan peluasan kuasa kedua-dua pihak. Perspektif kedua ini muncul dari sudut pandang masyarakat Melayu di utara² dan Malaysia itu sendiri yang mempunyai ikatan dengan beberapa negeri atau wilayah yang dahulunya mempunyai hubungan darah dan budaya, tetapi kini dianggap menjadi mangsa penjajahan Thai. Patani dan beberapa wilayahnya yang dipecahkan serta beberapa wilayah yang pernah terangkum dalam Kedah dan kini menjadi sebahagian daripada negara Thai akibat perjanjian tersebut masih lagi berupaya mengekalkan sebahagian identiti keMelayuan-Islam dan warisan kebangsaannya yang pernah memisahkan antara negeri Melayu-Siam. Hal ini terjadi di sebalik proses asimilasi hebat terutamanya melalui usaha-usaha pensiaman (*Thaification/Siamization*) yang dimulakan di bawah kepimpinan Plaek Phibul Songgram sejak 1930-an dan seterusnya pengenalan Akta Kebudayaan Kebangsaan oleh kerajaan Thai pada tahun 1944. Langkah-langkah asimilasi ini tidak sukar difahami keperluannya dalam usaha pemerintah Thai memastikan jurang pemisahan yang wujud antara negara dan bangsa yang dahulunya terpisah oleh budaya dan sikap politik yang berbeza, yang cuba disatukan menjadi satu kebangsaan yang sama walaupun sehingga kini terbukti usaha tersebut masih gagal. Semuanya berpunca daripada pemeteraian Perjanjian Bangkok 1909 yang telah dibentuk atas kepentingan dan logik imperialisme British mahupun Siam, dengan negeri-negeri Melayu yang menerima asakan persaingan dua kuasa imperialis itu dijadikan sebagai zon penampungan antara kedudukan atau kerakusan mereka. Sehingga kini, sebahagian daripada masyarakat dan wilayah itu masih melihat mereka sebagai berkebangsaan Melayu dan Tanah Melayu berbanding Siam, yang menjelaskan kecenderungan mereka untuk terikat dalam sempadan politik Tanah Melayu atau Malaysia berbanding Thai.

Pada masa yang sama, peranan satu pihak lagi, iaitu British yang begitu banyak memecahbelahkan dan melemahkan perpaduan dunia politik Melayu tidak boleh diketepikan. Meskipun Perjanjian Bangkok 1909 lebih jelas terlihat diperlukan dan dituntut oleh Siam, tetapi tidak akan tergerak jika tiadanya keperluan oleh British sendiri untuk terlibat dalam satu proses memastikan pengekalan kuasa dan jaminan keselamatan perdagangan yang penting daripada ancaman kuasa-kuasa Eropah lain. Pada masa yang sama, ia juga berkait rapat dengan keperluan British memastikan dominasi politik dalam ruang wilayah yang dianggap 'hak milik'nya itu. Sebenarnya dalam aspek yang lebih luas, British perlu memastikan penguasaan menyeluruh di sepanjang garisan yang ditetapkannya sebagai Tanah Melayu kerana mereka mahu mengawal

dua elemen utama, iaitu kepentingan penguasaan Selat Melaka yang merupakan jalan perdagangan penting yang menghubungkan India dengan China, dan kekayaan lombong-lombong bijih timah, sumber pertanian serta potensi-potensi ekonomi lain yang begitu luas di negeri-negeri Melayu. British pastinya tidak begitu bersungguh-sungguh menginginkan wilayah-wilayah yang dituntut oleh Siam jika bukan sebab ekonomi. Namun kegagalan Siam memastikan atau menjamin keselamatan dua elemen tersebut daripada gugatan kuasa-kuasa Eropah yang lain antaranya menjadi penyebab British berusaha untuk mencari jalan selamat, iaitu mengadakan satu persetujuan yang membolehkannya berunding untuk kedaulatan Siam dan penentuan zon penampasan yang terjamin. Hasilnya ialah satu ketetapan yang menyaksikan negeri-negeri Melayu sebahagiannya diambil, dan sebahagian lagi dipecahkan demi mendapatkan satu persetujuan Siam melalui proses rundingan, persubahatan dan pemujukan politik.

Dalam konteks itu, satu usaha memahami dan menjelaskan secara lengkap perkembangan serta perubahan yang berlaku akibat persaingan politik dan kepentingan antara kedua-dua kuasa dari zaman awal hingga ke tahun 1909 itu amat diperlukan. Sudah tentulah dari aspek sejarah, wujud keperluan untuk melihat dan menilai secara seimbang sudut pandang kedua-dua perspektif tersebut tanpa menetapkan sudut pandangan yang harus dianggap paling betul. Lantas didorong oleh keinginan tersebut, serta memenuhi ruang kekosongan penulisan yang pastinya amat diperlukan oleh para pembaca dan pengkaji sejarah, maka buku ini diusahakan dalam keadaan yang cuba menyeimbangkan sebaik mungkin pandangan ahli sejarah, yang walau bagaimanapun masih dalam luan menghargai setiap pandangan ahli sejarah secara bebas.

Buku ini memuatkan 12 bab secara tersusun dan menarik tentang sejarah panjang dan penuh liku hubungan yang melibatkan negeri-negeri Melayu-Siam-British hingga tahun 1909. Perbincangan awal dimulakan oleh Zaidin Mohd Noor, seorang pegawai daripada ANM melalui Bab 2 yang bertajuk “Bahan-Bahan Perjanjian Bangkok 1909 dalam Simpanan Arkib Negara Malaysia”. Bab ini menjelaskan tentang bahan-bahan utama yang terdapat di ANM berkenaan dengan Perjanjian Bangkok 1909. Bahan-bahan berkenaan menyentuh tentang perkembangan dalam hubungan negeri-negeri Melayu-Siam-British khususnya sekitar tahun 1880 hingga 1920, tahun-tahun penting yang menjelaskan tentang latar belakang yang mendorong dan kesan-kesan selepas termeterainya Perjanjian Bangkok 1909 yang ditandatangani antara British dan Siam pada tahun 1909. Antara bahan yang disimpan

oleh ANM dalam bentuk rujukan pertama ialah peta dan gambar, dan bahan-bahan itu dapat menyediakan maklumat tentang isu persempadanan dan politik yang wujud dan pihak yang terlibat. Selain itu, antara isu yang turut disentuh secara khusus oleh beliau ialah masalah persempadanan daerah Reman (atau Rahman) yang telah diserahkan oleh Siam kepada pihak British, yang masih menjadi 'duri dalam daging' kepada hubungan dua hala yang wujud antara Malaysia dan Thailand hingga ke hari ini.

Bab 3 yang dihasilkan oleh Mardiana Nordin menyentuh tentang kepentingan manuskrip-manuskrip Melayu awal yang dapat dijadikan rujukan dalam memahami tentang hubungan yang wujud antara negeri-negeri Melayu dan Siam, yang dapat melengkapkan lagi perbincangan pada bab pertama. Dalam tulisannya, Mardiana menjelaskan tentang bentuk hubungan yang wujud antara Negeri-negeri Melayu Utara dengan Siam seperti yang diperihalkan oleh teks-teks Melayu awal yang menyentuh tentang sejarah negeri-negeri tersebut. Antaranya ialah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* dan *Hikayat Merong Mahawangsa* (tentang Kedah), dan *Hikayat Seri Kelantan* dan *Ringkasan Cetera Kelantan* (tentang Kelantan), selain manuskrip lain seperti *Syair Sultan Maulana* yang turut berguna sebagai rujukan bagi meneliti hubungan awal yang wujud antara negeri-negeri Melayu dengan Siam. Perbincangan pada bab ini dapat memberikan suatu gambaran penting dalam memahami tentang sikap, perasaan dan pendirian pemerintah negeri-negeri Melayu berhubung kedudukan politik dan hubungan mereka dengan Siam, terutamanya dalam konteks tradisi penghantaran bunga emas dan perak kepada Siam. Pada masa yang sama, perbincangan ini dapat menjelaskan tentang peranan yang dimainkan oleh Siam sebagai kuasa penaung dan juga penjajah dalam menentukan kedudukan pemerintah dan kedaulatan politik negeri-negeri Melayu yang umumnya lemah dan begitu mudah dimanipulasi oleh Siam.

Dari satu segi, perbincangan dalam bab ini dapat menggambarkan perspektif tempatan, yang amat bercanggah misalnya dengan perspektif Bangkok yang dibawa oleh penulis-penulis Thai. Dalam perspektif ini jelas ditonjolkan Siam sebagai kuasa yang memeras dan memaksa, menggunakan kekuatan tentera dan kedudukannya sebagai kuasa imperialis untuk menekan negeri-negeri Melayu melaksanakan dasar-dasar dan tindakan yang sesuai dengan kehendak dan kepentingannya. Dalam keadaan tertekan itu, negeri-negeri Melayu cuba menggunakan setiap ruang dan peluang yang ada untuk mempertahankan

kedaulatannya walaupun dengan cara mengiktiraf dan memujuk serta menerima naungan pengiktirafan Siam demi memastikan Siam tidak campur tangan secara langsung dalam hal ehwal negeri-negeri Melayu seperti yang pernah berlaku di Kedah pada awal dan pertengahan kurun ke-19.

Bab 4 yang ditulis oleh Mohd Isa Othman dan Azmi Arifin bertajuk “Penjajahan Siam di Kedah dan Penentangan Orang Melayu, 1821–1842” memerihalkan tentang sejarah penjajahan Siam di Kedah khususnya pada tahun 1821 hingga 1841 dan penentangan orang Melayu yang berterusan. Dalam bab ini, penulis menjelaskan tentang bentuk hubungan Kedah-Siam yang sudah wujud sejak awal dalam bentuk keuftian, didorong oleh keperluan untuk mewujudkan hubungan diplomatik, menjamin keselamatan dan kedaulatan daripada ancaman kuasa asing mahupun Siam itu sendiri. Namun hubungan diplomatik yang bersifat persahabatan dan keuftian itu dihancurkan oleh tindakan Siam di bawah pemerintahan baharu yang ternyata lebih berminat untuk menjajah dan memiliknegarakan Kedah secara langsung sejak awal kurun ke-19.

Dari satu segi, bab ini menjelaskan perbezaan perspektif Siam dan tempatan yang melihat faktor campur tangan dan penjajahan Siam dari sudut nilai atau moral yang berbeza. Perspektif Siam memperlihatkan Siam sebagai pemilik sebenar yang berhak ke atas Negeri-negeri Melayu Utara kerana ia telah menjadi sebahagian wilayah di bawah kekuasaan Siam sejak zaman Sukhothai kurun ke-12 lagi. Perspektif ini cenderung menjelaskan penolakan terhadap kekuasaan Siam dan penentangan yang dilakukan oleh penduduk Kedah adalah pemberontakan dalaman terhadap kekuasaan pusat, bukan perjuangan kemerdekaan sebenar daripada penjajahan asing. Perspektif tempatan sebaliknya cenderung menjelaskan bahawa ancaman dan campur tangan Siam di negeri-negeri Melayu sebagai satu bentuk imperialisme asing yang dilakukan demi tujuan pengeksploitasian ekonomi dan politik. Bahkan Siam dianggap tidak pernah diterima oleh Kedah sebagai pemerintah atau kuasa pusat, sebaliknya dalam kebanyakan keadaan, dianggap hanya sebagai penindas dan pembuli.

Bertitik tolak daripada perspektif tempatan inilah, bab ini menjelaskan tentang proses campur tangan Siam terhadap negeri Kedah yang telah menerima tentangan hebat dan berterusan daripada orang Kedah yang menganggap penindasan dan campur tangan langsung Siam ke

Kedah sebagai penaklukan asing dan keganasan 'orang kafir'. Bab ini menjelaskan asal usul konflik yang membawa kepada serangan dan seterusnya penaklukan Siam terhadap Kedah yang berlaku antara tahun 1821 hingga 1842. Penaklukan itu bukan sahaja berpunca daripada keinginan untuk meluaskan kuasa khususnya yang berlaku pada zaman dinasti Chakri, tetapi layanan buruk, manipulasi dan penindasan atau pembulian yang dilakukan atas keinginan Siam untuk mempergunakan Kedah tidak lebih sebagai alat untuk kepentingan dasar imperialisme dan kempen ketenteraannya, yang begitu banyak menyusahkan dan menghina kedaulatan Kedah. Peluasan kuasa Siam di Kedah dikaitkan dengan perubahan politik di Bangkok yang menyaksikan kemunculan kelompok pemerintah baharu yang lebih kuat dipengaruhi agenda peluasan kuasa dan imperialisme terhadap negeri-negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Akibatnya, serangan Siam pada 1820-an boleh dilihat sebagai satu usaha mengeksploitasi kelemahan dan sumber ekonomi Kedah untuk kepentingan Siam dan menyaksikan bagaimana penjajahan Siam ke atas Kedah yang begitu keras dan kejam telah menimbulkan kesan yang amat besar terhadap kedudukan ekonomi, politik dan kependudukan di Kedah.

Ternyata penindasan Siam ini telah membangkitkan sentimen penyatuan dan nasionalisme yang kuat, bukan sahaja di Kedah, malah melibatkan orang Melayu di Semenanjung secara meluas khususnya di Negeri-negeri Melayu Utara. Dorongan penyatuan dan semangat kemerdekaan menyaksikan teretusnya penentangan sengit orang Melayu Kedah yang dipimpin oleh kelompok pemerintah itu sendiri serta masyarakat Melayu dari negeri-negeri lain sehingga mengancam keselamatan Siam dan mengganggu kegiatan ekonomi kapitalis khususnya yang berpusat di Pulau Pinang. Kebangkitan yang berpanjangan dan keras itu ternyata telah memberi suatu keperitan kepada Siam untuk terus kekal dan menguasai Kedah sehingga akhirnya Siam terpaksa membuat keputusan untuk berundur dan mengekalkan penguasaan hanya dalam bentuk penaungan secara tidak langsung sahaja.

Seterusnya Wan Shamsudin Mohd Yusof dalam Bab 5 mencatatkan tentang hubungan negeri-negeri Melayu-Siam berasaskan tradisi penghantaran bunga emas dan perak. Tradisi penghantaran bunga emas dan perak menonjolkan kepentingan pengiktirafan negeri-negeri Melayu terhadap Siam sebagai kuasa besar yang bukan sahaja perlu dihormati dan dikekalkan dalam sebuah hubungan persahabatan, bahkan bunga emas menjadi alat kepada hubungan diplomasi yang dapat mengimbangi ancaman dan campur tangan imperialisme Siam.

Dalam bab ini dijelaskan dari sudut asal usul, tujuan dan kepentingan tradisi penghantaran bunga emas dan perak dalam menentukan sifat dan bentuk hubungan yang wujud antara kedua-dua pihak. Sehubungan itu, bab ini juga membincangkan tentang aspek tradisi penghantaran bunga emas ke Siam itu dilakukan.

Dari segi sejarah, tradisi itu sudah bermula sejak awal. Di Kedah, pada zaman Kesultanan Kedah yang bermula pada tahun 1136, penghasilan dan pengiriman bunga emas ke Siam telah mula menjadi amalan sekurang-kurangnya sejak zaman pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muazam Syah II (1710–1778). Manakala sejarah penghantaran bunga emas oleh kerajaan Terengganu telah bermula sejak zaman pemerintahan Sultan Mansur I, Sultan Terengganu yang ke-2 (1733–1794). Berdasarkan maklumat daripada sumber sejarah lisan tempatan, negeri Kelantan pula telah mula menghantar bunga emas dan bunga perak ke Siam sejak tahun 1801, iaitu semasa Kelantan berada di bawah pemerintahan Sultan Muhammad I (1800–1835).

Dari segi tujuan amalan pemberian bunga emas itu diperkenalkan dan kemudiannya kekal menjadi satu tradisi dalam hubungan diplomasi antara negeri-negeri Melayu-Siam, dilihat secara berbeza melalui dua perspektif, iaitu perspektif tempatan yang menganggapnya tidak lebih sebagai satu bentuk hadiah dan tanda persahabatan. Menurut Wan Shamsudin, hubungan Siam dengan negeri-negeri Melayu di Semenanjung terbentuk melalui satu budaya politik tradisi di rantau ini yang telah wujud sejak zaman Srivijaya dan Melaka lagi. Pada zaman dahulu, dalam usaha memastikan keselamatan dan kemerdekaan, kerajaan-kerajaan Melayu menerima naungan daripada negara China dan mendapatkan pengiktirafannya melalui hadiah-hadiah dan kurnian. Dalam konteks hubungan negeri-negeri Melayu-Siam pula, kedudukan politik itu disesuaikan dengan suasana dan keperluan negeri-negeri Melayu mengekalkan kemerdekaannya daripada ancaman Siam yang begitu dekat, walaupun terpaksa menerima kedudukannya sebagai negeri-negeri di bawah naungan Siam dan perlu mengorbankan banyak kos untuk mewujudkan keseimbangan dan hubungan baik. Hal inilah yang menyaksikan bagaimana hubungan antara negeri-negeri Melayu dengan Siam berlaku dalam bentuk pertukaran hadiah, surat-menyurat dan yang penting sekali adalah melalui pemberian bunga emas dan perak setiap tiga tahun sekali sebagai tanda penghormatan dan persahabatan antara mereka.

Pada peringkat awal, dalam keadaan Siam masih menghormati dan menerima bentuk pengiktirafan itu, maka campur tangan Siam di negeri-negeri Melayu dapat dikurangkan. Sebagai tanda penghargaan atas kejujuran dan taat setia negeri-negeri naungannya, Raja Siam sendiri akan mengeluarkan pelbagai hadiah kepada negeri-negeri naungannya bagi membuktikan kegemilangan istana Bangkok serta kekayaan Siam sedangkan bagi pemerintah Melayu, hadiah-hadiah mereka kepada Siam dan sebaliknya hadiah Siam kepada mereka lebih merupakan tanda persahabatan dan hubungan dua hala yang rapat tanpa menjejaskan kedaulatan negeri-negeri mereka.

Dalam bab seterusnya, iaitu Bab 6 yang disumbangkan oleh Abdullah Zakaria Ghazali, dibincangkan senario hubungan yang wujud antara negeri-negeri Melayu dengan Siam sejak dari awal hingga tahun 1909. Bab ini meneliti dalam jangka masa panjang aspek turun naik hubungan politik yang wujud antara negeri-negeri Melayu dan Siam yang berlangsung sekurang-kurangnya sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka hingga awal kurun ke-20. Hubungan tradisi itu, menurut Abdullah Zakaria, wujud sejak awal dalam bentuk yang bersifat konflik dan persaingan, bahkan perseteruan dan perbalahan secara langsung. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka yang telah berjaya membendung serangan dan kemaraan Siam ke selatan, ancaman Siam itu tidaklah begitu ketara. Namun, keadaan mula berubah selepas keruntuhan kerajaan Melaka. Negeri-negeri Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu yang dahulunya bernaung di bawah payung keselamatan Melaka kini mula terdedah dalam lingkungan ancaman dan peluasan kuasa imperialisme oleh Siam. Selain didorong oleh keadaan tidak stabil yang wujud di negeri-negeri Melayu itu sendiri, bentuk dan corak hubungan negeri-negeri Melayu-Siam turut ditentukan oleh perubahan dasar yang berlaku, terutamanya di Bangkok. Sepanjang tempoh kestabilan dan keseimbangan hubungan itu wujud, negeri-negeri Melayu ternyata lebih bersedia menerima keadaan, iaitu tunduk dan menghormati kekuasaan Siam, namun masih berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan keselamatan dan kemerdekaan mereka.

Walaupun hubungan negeri-negeri Melayu-Siam pada peringkat tertentu berjaya dibentuk dalam sifat penaungan yang banyak membantu kestabilan dan keselamatan negeri-negeri tersebut, namun hakikat sebenarnya mereka hanya menunggu masa untuk menjadi mangsa ratahan imperialisme Siam. Pada ketika tumpuan Siam terpaksa diberikan untuk menghadapi cabaran yang lain seperti kuasa Burma dan kuasa asing yang mengganggunya, serta dasar lembut yang masih

dipegang oleh pemerintah Siam, keselamatan negeri-negeri Melayu kelihatannya masih terjamin. Tetapi pada ketika itu, sebenarnya Siam telah menjadi kuasa besar yang tidak boleh dibendung lagi. Dalam keadaan itu, negeri-negeri Melayu menerima seadanya kedudukan mereka yang rendah di sisi Siam, rela dimanipulasi dan dieskplotasi bagi menjamin kelangsungan kedaulatan, dengan nasib dan kedudukan bagi sesetengah negeri Melayu lain yang mencabar status quo itu seperti Patani menyaksikan penaklukan penuh Siam terhadapnya. Pendek kata, negeri-negeri Melayu umumnya tidak mempunyai pilihan lain kecuali menggunakan apa sahaja kaedah, misalnya suai-faedah untuk meneruskan kelangsungan kemerdekaan mereka.

Kes yang paling utama diberikan perhatian oleh para pengkaji ialah nasib Kedah pada tahun 1820-an dan 1840-an yang menunjukkan bagaimana perubahan dasar di Bangkok dan keamanan di perbatasan Siam-Burma telah memberi kesan yang amat besar terhadap campur tangan dan imperialisme Siam. Bab ini menjelaskan bagaimana pada ketika Kedah diperintah oleh Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II (1803–1821, 1842–1845) telah berlaku serangan dan penjajahan langsung pihak Siam ke atas Kedah antara tahun 1821 hingga 1842. Didorong oleh kejayaannya menangani permusuhan Burma dan kemunculan dinasti pemerintah baharu yang lebih kuat kecenderungan imperialismenya di Bangkok, menyebabkan Siam menggunakan alasan ketidaksetiaan Kedah untuk menyerang dan seterusnya menjajah secara langsung negeri tersebut. Dalam proses membalas dendam dan memenuhi sikap iri hatinya, wakil Siam di Kedah telah bertindak kejam dalam catatan sejarah dengan menyeksa dan membunuh orang lelaki serta menangkap wanita dan kanak-kanak sebagai tawanan. Selain ramai yang telah dibunuh dengan kejam, dianggarkan sekitar 1,000 orang Kedah yang ditawan telah dibawa ke Bangkok untuk dijadikan hamba kepada Raja, Pemangku Raja (Wangna) dan menteri-menteri Siam.

Penjajahan Siam di Kedah sejak tahun 1821 telah mencetuskan siri gerakan pembebasan negeri Kedah di bawah pimpinan golongan elit Melayu. Gerakan penentangan secara besar-besaran yang dipimpin oleh Tunku Kudin (1830–1831) dan Tunku Muhammad Saad (1838–1839) memberi kesan yang besar kepada pentadbiran Siam di Kedah. Mulai tahun 1838, Raja Siam, iaitu Pra Nang Klao atau Rama III telah mengambil keputusan untuk memulangkan semula pentadbiran Kedah kepada pemerintah tempatan. Pada tahun 1838, Rama III telah melantik Tunku Anum, kerabat diraja Kedah, sebagai Gabenor Kedah menggantikan pemerintah Siam yang tidak kompeten sebelumnya dari

Ligor. Walau bagaimanapun, dalam usaha melemahkan penentangan Kedah terhadap Siam, Kedah kemudiannya telah dipecahkan kepada beberapa bahagian. Kedah itu sendiri diletakkan di bawah kekuasaan Tunku Anum, manakala Setul-Langu diletakkan di bawah pentadbiran Tunku Bisnu atau Tunku Dewa. Kayangan atau Perlis, walaupun masih merupakan sebahagian daripada Kedah, tetapi telah diletakkan di bawah kekuasaan Raja Long Krok atau Paduka Seri Maharaja Lela, pembesar Kedah dan dibantu oleh Syed Husin Jamalullail. Apabila Raja Long Krok meninggal dunia, Syed Husin dan kemudian warisnya akhirnya telah mengambil alih kedudukan sebagai pemerintah di Perlis dan terus kekal hingga sekarang.

Satu perbincangan yang amat menarik dikemukakan oleh Mior Ahmad Noor Mior Hamzah dalam Bab 7 yang menghuraikan asas-asas tentang konsep negeri, sempadan tradisi dan kemudiannya proses pembentukan sempadan yang mempengaruhi persempadanan antara negeri-negeri Melayu-Siam sehingga termeterainya Perjanjian Bangkok 1909. Perbincangan beliau dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu yang pertama menyentuh secara terperinci dan luas tentang kedudukan sempadan geografi negeri-negeri Melayu dengan negara jirannya seperti Siam, Burma mahupun sesama negeri Melayu yang lain. Di samping itu, penulis turut menyentuh tentang isu yang menjelaskan tentang konsep negeri dan sempadan itu wujud dan difahami dari sudut yang tersendiri oleh masyarakat Melayu awal, iaitu berbeza dengan bentuk sempadan yang kemudiannya diperkenalkan oleh British.

Pada zaman dahulu, garis sempadan yang wujud adalah bersifat terbuka dengan penanda garis sempadan seperti bukit, gunung, sungai dan lautan lebih menjadi suatu alat penghubung berbanding pemisah. Bagi kerajaan (negeri) Melayu, meskipun sempadan itu ada dan merupakan had atau perenggan yang mengasingkan kedaulatan mereka antara satu sama lain, namun ia tidak pernah menjadi elemen pemisah atau pemecah selagi ada persefahaman dan sikap saling menghormati. Malahan sempadan itu diperlihatkan sebagai sebahagian daripada unsur yang menyatukan, lebih-lebih lagi sungai dan lautan dianggap sebagai elemen yang mengikat segala aktiviti masyarakat yang berada di bawah kerajaan yang berbeza. Oleh itu, ketentuan sempadan dalam keadaan sebenarnya pada zaman awal sebelum kedatangan British, lebih banyak berkaitan dengan soal kuasa. Sejauh mana kuasa dapat dilaksanakan dan diterima masyarakat, maka di situlah garis sempadannya.

Namun, keadaan itu berubah apabila berlakunya campur tangan luar yang mencorakkan sempadan baharu yang mula memisahkan sepenuhnya hubungan atau ikatan persemendaan antara kerajaan dan negeri-negeri Melayu. Bermula sejak tahun 1824 apabila terlaksananya Perjanjian British-Belanda dan seterusnya pada tahun 1909 melalui Perjanjian Bangkok, sifat dan ragam persempadanan mula ditetapkan berdasarkan kepentingan politik dan kuasa yang hanya ditentukan berdasarkan logik serta kepentingan pihak penjajah. Persaingan kuasa dan pensubahatan British-Siam mempengaruhi persetujuan tentang had kuasa dan sempadan yang dicapai melalui Perjanjian Bangkok 1909, yang tidak berlandaskan kehendak negeri-negeri Melayu. Kesannya, sejak tahun 1909, persempadanan bentuk baharu yang bersifat imperialis ini telah mencetuskan percanggahan tafsiran dan konflik berpanjangan yang menjadi punca kepada pertikaian antarabangsa yang mempengaruhi kekeruhan hubungan Malaysia-Thailand hingga kini.

Bab 8 yang bertajuk “Hubungan British, Siam dan Negeri-negeri Melayu Utara Sebelum Perjanjian Bangkok 1909” meninjau tentang perkembangan yang mempamerkan corak hubungan British-Siam dan kesannya terhadap kedudukan Negeri-negeri Melayu Utara di Semenanjung Tanah Melayu pada awal kurun ke-20 sehingga termeterainya Perjanjian Bangkok pada 10 Mac 1909. Isu yang cuba ditonjolkan dalam bab ini ialah faktor-faktor penggerak, khususnya yang mendorong penglibatan British dalam isu-isu yang melibatkan hubungan Siam dan negeri-negeri Melayu utara. Bab ini menjelaskan latar belakang yang menggerakkan persaingan dan konflik kuasa British-Siam di Negeri-negeri Melayu Utara, rundingan dan perjanjian ke arah mencari penyelesaian terhadap masalah persaingan kuasa yang wujud serta strategi British untuk mencapai rancangannya menguasai seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Perbincangan bab ini antara lain memfokus kepada rentak hubungan British-Siam dengan Negeri-negeri Melayu Utara seperti Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis yang menerima tekanan serta campur tangan Siam pada awal kurun ke-20 hingga kepada termeterainya Perjanjian British-Siam 1902.

Dalam bab ini, penulisnya Ho Hui Ling menjelaskan bahawa sebelum tahun 1909, berlaku persaingan penguasaan ke atas Negeri-negeri Melayu Utara antara kuasa British dengan Siam. Hasrat British untuk menguasai negeri-negeri Melayu tersebut menjadi semakin ketara menjelang kurun ke-20. Keadaan ini didorong oleh dasar peluasan kuasa British ke atas negeri-negeri Melayu setelah berjaya meletakkan pengaruhnya di Negeri-negeri Selat (1826) dan negeri-negeri Melayu

Perjanjian BANGKOK 1909

Wacana Sejarah dan Persejaraan

Buku *Perjanjian Bangkok 1909: Wacana Sejarah dan Persejaraan* menghimpunkan beberapa esei yang menyentuh tentang sejarah hubungan negeri-negeri Melayu-British-Siam, kolonialisme, nasionalisme, perjuangan politik, perkembangan yang membawa kepada termeterainya Perjanjian Bangkok 1909 serta kepentingan dan kesan-kesan di sebalik perjanjian itu secara menyeluruh. Fokus buku ini adalah untuk menjelaskan tentang peranan utama yang dimainkan oleh pelbagai kelompok politik dan nasionalis, pemerintah dan rakyat, hinggalah kuasa-kuasa imperialis dalam menentukan kemaraan imperialisme serta jatuh bangunnya Negeri-negeri Melayu Utara khususnya sejak awal kurun ke-20. Penyumbang bab-bab dalam buku ini merupakan ahli sejarah, penyelidik, pakar dan pengkaji yang terkenal dalam bidang masing-masing. Setiap penyumbang cuba memberikan atau meneroka suatu perspektif baharu tentang sejarah Perjanjian Bangkok 1909 yang mungkin sudah dibicarakan tetapi perlu pentafsiran semula, atau dalam isu-isu yang tidak pernah ditimbulkan atau dibincangkan oleh pengkaji sejarah sebelum ini. Pandangan mereka disokong oleh hujah-hujah dan penemuan bukti-bukti baharu yang memungkinkan sejarah Perjanjian Bangkok 1909 dapat diberi suatu tafsiran semula yang lebih kukuh dan menyeluruh. Buku ini amat sesuai digunakan sebagai bahan bacaan dan rujukan bagi para pelajar, pendidik, pengkaji sejarah, ahli politik dan sesiapa sahaja yang berminat mendalami sejarah perkembangan Negeri-negeri Melayu Utara dalam hubungannya dengan British dan Siam sejak zaman awal hingga kurun ke-20.

ISBN 978-967-461-730-1



9 789674 617301

RM49.00/USD13.00/GBP12.00



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



PENERBIT
USM



PENERBIT UNIVERSITI SAINS MALAYSIA